




الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*EDISI 1
OKTOBER 2024*



PERMAINAN NOSTALGIA

Mohamad Aliff Suhaimi & Nazratul Nisa Eshak



Pada 12 Mei 2024, Ahad, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah menganjurkan satu program bertemakan Permainan Nostalgia yang berlangsung di Perkarangan Parkir Kolej Puteri Mayang Selida. Program ini bertujuan untuk mengimbau kembali kenangan permainan tradisional yang sering dimainkan oleh generasi terdahulu. Antara permainan yang dipertandingkan adalah capteh, baling selipar, dan galah panjang.

Seramai 30 orang siswi telah mengambil bahagian dalam acara ini. Walaupun penyertaan dari kalangan siswa tidak ada, program ini tetap berlangsung dengan penuh meriah dan mendapat sambutan hangat dari kalangan siswi yang terlibat.



Program ini menampilkan tiga permainan tradisional utama, iaitu Capteh. Capteh merupakan sebuah permainan yang menguji kemahiran dan ketangkasan kaki pemain dalam menimbang capteh. Seterusnya, permainan baling selipar. Permainan yang memerlukan ketepatan balingan dan strategi dalam menjatuhkan selipar. Permainan tradisional yang turut dimainkan ialah galah panjang. Program anjuran JPK ini melibatkan 17 orang ahli jawatankuasa di dalam pelbagai aspek pengurusan dan persiapan program. Kos program yang diluluskan untuk penganjuran ini adalah sebanyak RM390.



Program ini bukan sahaja menghiburkan tetapi juga memberikan peluang kepada para siswa untuk berinteraksi dan merapatkan silaturahim sesama mereka.

Sempena penganjuran program Permainan Nostalgia pada 12 Mei 2024, penutupan jalan di kawasan parkir Kolej Puteri Mayang Selida telah dilaksanakan bagi memastikan keselamatan

dan kelancaran perjalanan program, serta memberikan ruang yang mencukupi bagi pelaksanaan permainan tradisional yang melibatkan pergerakan aktif para peserta.

Secara keseluruhan, Permainan Nostalgia ini telah berjaya mengimbau kenangan permainan tradisional dan mengukuhkan semangat kekitaan dalam kalangan pelajar. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan di masa akan datang dengan lebih banyak penglibatan dan penyertaan dari kalangan warga kolej.